

Dua Lelaki Terbangkan Helikopter Kawalan Jauh Di Rumah Ketua Pemuda MCA Serah Diri Bernama 20 Ogos, 2013

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Dua lelaki yang dipercayai menerbangkan sebuah helikopter kawalan jauh di sekitar kawasan rumah Ketua Pemuda MCA Datuk Dr Wee Ka Siong menyerahkan diri di Ibu Pejabat Polis Daerah Cheras semalam.

Ketua Polis Daerah Cheras ACP Mohan Singh Tara Singh berkata kedua-dua lelaki tempatan berusia 39 dan 47 tahun itu menyerahkan diri kira-kira 3.30 petang.

Mereka berasal dari Johor Baharu dan Kuala Lumpur.

Seorang daripada mereka bekerja sebagai jurugambar yang juga merupakan pemilik Hexacopter itu manakala seorang lagi merupakan mekanik membaiki helikopter jenis Hexacopter yang dilengkapi kamera, katanya.

"Kedua-dua suspek mendakwa mereka menyerahkan diri selepas helikopter yang diterbangkan mereka sebelum ini hilang dan hanya mengetahui ia berada di lokasi terbabit menerusi laporan akhbar dan percaya ia milik mereka," katanya dalam sidang media di sini Selasa.

Kedua-dua mereka turut mendakwa Hexacopter itu diterbangkan bertujuan untuk menjalankan ujian selepas ia dibaiki namun ia gagal dikesan semula, katanya.

"Kita telah ambil percakapan kedua-dua mereka dan kertas siasatan juga telah disiapkan. Bergantung kepada pihak pendakwa raya untuk tuduh mereka di bawah Seksyen 448 Kanun Keseksaan dan Seksyen 504 Kanun Keseksaan," kata Mohan Singh sambil menambah kedua-dua suspek turut menafikan mereka mempunyai kaitan dengan mana-mana parti politik.

Beliau berkata Hexacopter itu biasanya digunakan pihak pemaju untuk melihat kawasan pembinaan dari udara.

Kesemua rakaman video melalui kamera itu telah diteliti dan kedua-dua mereka akan dibebaskan dengan ikat jamin polis hari ini, katanya.

Wee sebelum ini mendedahkan helikopter enam kipas yang dilengkapi kamera ditemui di atas bumbung balkoni rumahnya di Bukit Tiara pada 8 Ogos lalu oleh seorang kanak-kanak lelaki berusia 14 tahun yang merupakan jirannya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=971193>